

04/03/1997

Lanskap wajib setiap projek

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu aspek lanskap diwajibkan dalam setiap projek pembangunan dan meminta kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan menangani isu itu dengan serius.

Perdana Menteri berkata, lanskap bukan lagi aspek sampingan pembangunan malah penyumbang penting kepada sektor pelancongan serta pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mesti melengkapkan keupayaan organisasi dan kepakaran bagi menghasilkan mutu lanskap yang tinggi selain bijak dan profesional dalam merancang serta melanskap seluruh negara.

Katanya, piawaian dan syarat yang khusus bagi penyediaan kawasan lapang dan penanaman pokok perlu diadakan serta dipatuhi.

Dr Mahathir mengingatkan pembangunan, menebang pokok dan peneresan bukit yang tidak terkawal boleh menukar kawasan bandar menjadi rimba batu.

Katanya, pembangunan tidak seharusnya disertai dengan pemusnahan pokok dan kawasan semula jadi secara total. Sikap gemar menebang pokok dan meneres bukit juga mesti dihentikan.

Sebaliknya, apa yang penting, kata Perdana Menteri, kawalan mesti dibuat ke atas pembangunan supaya kawasan hijau dapat dikekalkan di tahap maksimum dan pokok yang ditebang diganti melalui penanaman pokok baru.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara di Taman Rekreasi Medan Idaman, Batu 5.5 Jalan Gombak di sini, petang ini.

Pelancaran kempen menanam pokok secara serentak di seluruh negara hari ini menandakan bermulanya usaha menanam pokok secara besar-besaran untuk mencapai matlamat tiga juta pokok pada 2000 dan 20 juta pokok pada 2020.

Beliau berkata, kerajaan turut mempunyai wawasan menjadikan Malaysia negara taman menjelang 2005 untuk mewujudkan keseluruhan keseimbangan di antara kawasan hijau dan pembangunan dalam negara.

Perdana Menteri berkata, kehijauan sama ada taman dan pokok menjadi komponen penting dalam semua pembangunan fizikal. Penanaman pokok dengan kuantiti yang banyak boleh mengubah iklim mikro sesuatu kawasan di samping mengurangkan pencemaran.

"Banyak faedah diperolehi daripada penyediaan kawasan hijau dan penanaman pokok terutamanya peningkatan keindahan dan keselesaan. Malah persekitaran yang bersih dan indah berjaya meningkatkan produktiviti rakyat serta negara.

"Tekanan pembangunan yang tinggi terutamanya di bandar-bandar utama jika tidak dikawal dengan baik, boleh menggantikan kawasan hijau dengan rimba batu yang hodoh dan tidak selesa seperti wujud di kebanyakan negara maju," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh serta wakil kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Dr Mahathir berkata, untuk membentuk masyarakat maju dalam semua aspek seperti dalam matlamat Wawasan 2020, mutu hidup kawasan persekitaran yang selesa dan seimbang diperlukan. Ini penting dalam memupuk masyarakat sihat mental dan fizikal serta berkeyakinan.

"Dengan adanya persekitaran kehidupan yang teratur dan mampan sahaja Malaysia akan mencapai taraf negara maju mengikut acuan kita sendiri menjelang 2020," katanya.

Katanya, sejak Deklarasi Langkawi 1989 dan Deklarasi Kuala Lumpur

mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang dimeterai pada 1992, kerajaan menekankan keperluan untuk menghijaukan bukan sahaja negara tetapi dunia.

Menurutnya, kerajaan berpegang teguh kepada pernyataan prinsip bagi hutan dalam Agenda 21 yang dipersetujui dalam Persidangan Antarabangsa Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992 iaitu semua negara perlu mengambil bahagian dalam penghijauan dunia melalui penanaman dan pemeliharaan pokok.

Sebarang kerja penanaman pokok yang dilaksanakan, kata Perdana Menteri, tidak bererti hanya bagi persekitaran sendiri atau alam sekitar negara sahaja tetapi secara langsung menyumbang kepada peningkatan kualiti alam sekitar dunia.

Dr Mahathir berkata, negara maju menggunakan unsur kecantikan dan keselesaan hidup sebagai komponen penting menarik pelabur serta pelancong manakala industri lanskap mereka berkembang pesat.

Dalam hal itu, beliau yakin dengan sumber dan kepakaran yang ada, pembangunan lanskap kita boleh menandingi pembangunan lanskap negara maju.

Dr Mahathir berkata, perancangan pembangunan hendaklah disediakan dengan kawasan penanaman pokok dan mesti dikekalkan serta tidak boleh diambil alih untuk kegunaan lain apabila tanah hendak dibangunkan semula.

"Dengan perancangan dibuat dari mula lagi, kawasan pokok tidak akan dimusnahkan kerana kegunaan tanah lain," katanya. Selain kecantikan, penanaman pokok boleh menolong mengelakkan banjir kilat dan tanah runtuh.

Menurutnya, selain mewajibkan penyediaan kawasan lapang minimum 10 peratus, pemaju hendaklah melanskap dan mencantikkan kawasan lapan serta keseluruhan kawasan perumahan dan pembangunan.

Dalam hal itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan harus memastikan rezab lanskap untuk tanaman pokok disediakan di tepi jalan bagi mengelak pemusnahan pokok yang kerap berlaku akibat kerja pelebaran jalan dan penyediaan talian utiliti.

"Bagi memastikan perkara ini dipatuhi, peraturan dan akta berkenaan dengan lanskap hendaklah diadakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pihak berkuasa tempatan juga mempunyai peranan memastikan pokok yang ditanam kawasan awam dijaga dengan baik melalui pelaksanaan satu bentuk pengurusan penyelenggaraan yang sempurna dalam kawasan pentadbiran mereka.

Mengenai penyediaan stok tanaman, beliau berkata, jumlahnya perlu ditingkatkan tetapi ia tidak menjadi masalah kerana bahan tanaman amat mudah didapati di negara ini.

Katanya, penyelenggaraan benih perlu pendekatan separa saintifik selain kerajinan mengawasinya.

Perdana Menteri meminta sesiapa sahaja yang memiliki tanah lapang yang tidak digunakan seperti di tepi jalan raya dan sungai menanam pokok sebagai punca bekalan pokok segera.

"Jika pemilik tanah sama ada pihak berkuasa tempatan, kerajaan atau swasta tidak berminat, mereka hendaklah membenarkan sesiapa yang berminat menggunakan tanah itu untuk tanaman pokok dengan bayaran nominal.

"Sebaliknya, pemilik yang enggan memberi kebenaran tetapi membiarkan tumbuhan yang tidak sempurna tumbuh atau menjadi tempat membuang sampah ataupun diduduki setinggan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengenakan bayaran atau denda tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kehijauan sama ada taman dan pokok menjadi komponen penting dalam semua pembangunan fizikal.

Katanya, penanaman pokok dengan kuantiti yang banyak boleh mengubah iklim mikro sesuatu kawasan di samping mengurangkan pencemaran.

"Banyak faedah diperolehi daripada penyediaan kawasan hijau dan penanaman pokok terutamanya peningkatan keindahan dan keselesaan. Malah persekitaran yang bersih dan indah berjaya meningkatkan produktiviti

rakyat serta negara.

"Tekanan pembangunan yang tinggi terutamanya di bandar utama jika tidak dikawal dengan baik, boleh menggantikan kawasan hijau dengan rimba batu yang hodoh dan tidak selesa seperti wujud di kebanyakan negara maju," katanya.

Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh serta wakil kerajaan negeri dan pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Dr Mahathir berkata, untuk membentuk masyarakat maju dalam semua aspek seperti dalam matlamat Wawasan 2020, mutu hidup kawasan persekitaran yang selesa dan seimbang diperlukan.

Ini penting dalam memupuk masyarakat sihat mental dan fizikal serta berkeyakinan.

(END)